

Akan dimuktamadkan Jemaah Menteri selepas kajian mendalam - Anwar

Tiada pencen bagi wakil rakyat, menteri

Oleh JUANI MUNIR ABU BAKAR
juani.bakar@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Cadangan pemansuhan pencen kakitangan awam lantikan baharu bermula Februari ini akan turut memabitkan wakil rakyat dan menteri.

Perdana Menteri berkata, perkara itu bagaimanapun ma-

sih di peringkat kajian sebelum dimuktamadkan Jemaah Menteri selepas kerajaan membuat perincian dan mendengar pandangan pelbagai pihak.

Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, beliau secara prinsip bersetuju dengan cadangan supaya kerajaan memansuhkan pencen wakil rakyat dan menteri.

Anwar berkata, ketika ini kerajaan menanggung beban kewangan besar untuk membayar pencen kepada penjawat awam, wakil rakyat dan menteri-menteri.

“Perkara itu akan dimuktamadkan Jemaah Menteri selepas mendengar pandangan pelbagai pihak dan melakukan

kajian mendalam termasuk mengambil kira dari sudut Perlembagaan Persekutuan.

“Jadi, ada orang kata mengapa tidak melibatkan ahli politik. Soal lain ada yang pernah jadi Menteri Besar, Menteri, Timbalan Perdana Menteri.

Bersambung di muka 2



ANWAR Ibrahim beramah mesra bersama orang awam semasa makan tengah hari di Restoran Nasi Kandar Polita di Desa Sri Hartamas semalam. - UTUSAN/AMIR KHALID

Tiada pencen bagi wakil rakyat, menteri

Dari muka 1

"Itu dalam Perlembagaan, kita boleh kaji, tidak boleh belakangkan, itu retrospektif, untuk baharu kita boleh kaji," kata beliau selepas makan tengah hari bersama warga kota di Desa Sri Hartamas sebelum menunaikan solat Jumaat di Masjid Al-Ubudiah, Bukit Segambut di sini semalam.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, jika terdapat skim saraan baharu yang dibentangkan kepada penjawat awam pada 1 Februari ini, ia juga akan terpakai kepada ahli-ahli politik lantikan baharu.

"Jika 1 Februari 2024 dibentangkan skim saraan baharu, (maka) semua lantikan termasuk lantikan ahli politik juga tidak berpencen.

"Secara prinsip saya bersetuju apa jua keputusan yang juga terpakai untuk lantikan politik, tapi dimuktamadkan selepas kajian dibawa dan Jemaah Men-

teri memutuskan," katanya.

Semalam, Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) menggesa kerajaan mengkaji semula pemberian pencen kepada ahli-ahli politik membabitkan wakil rakyat jika negara berdepan kekangan kewangan sehingga terpaksa menyekat skim saraan perkhidmatan awam.

Presiden CUEPACS, Datuk Adnan Mat berkata, kerajaan sepatutnya memikirkan untuk memansuhkan pencen kepada kumpulan 'orang politik' terlebih dahulu kerana kebanyakan mereka hanya berkhidmat sekitar lima tahun berbanding penjawat awam 30 tahun.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, semua kerajaan termasuk kerajaan sebelum ini dan mana-mana negara mengakui keadaan ekonomi tidak boleh bertahan jika tiada sesuatu dilakukan membabitkan skim persaraan pekerja.

"Jadi dengar dahulu cada-

ngan dikemukakan, bahas dahulu, teliti bagi pandangan apa perlu diubah suai, apa yang kerajaan perlu lakukan kemudian kita akan muktamadkan," katanya.

Kata beliau, susulan kekeliruan berhubung kenyataan penjawat awam berstatus tetap tanpa pencen bagi lantikan baharu Februari ini, perkara itu akan dijelaskan lagi oleh Menteri Kewangan Kedua dan beliau sendiri selepas ini.

Sebelum ini, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, Kabinet dilaporkan bersetuju supaya perjawatan bagi penjawat awam baharu berstatus tetap tidak lagi berpencen.

Bagaimanapun, Ahmad Zahid berkata, bagi penjawat awam tetap sedia ada, status berpencen mereka tidak terjejas, sementara penjawat awam baru itu kelak akan membuat caruman menerusi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).